

sekata

JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

- * Sebutan dan/Tulisan (Ejaan)
Yang Masih Mengelirukan .
Muhammad Ariff Ahmad
- * Konsep Ayat Tunggal
dalam Bahasa Melayu .
Dr Liaw Yock Fang
- * Sebutan Baku Bahasa Malaysia .
Drs Lutfi Abbas

JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN & PENERANGAN,
SINGAPURA.

JILID 3 BILANGAN 2
DISEMBER 1986

ISSN 0217 - 4626
JAMADIL AWAL 1407

**ANGGOTA JAWATANKUASA
BAHASA MELAYU
SINGAPURA**

Haji Sidek Saniff (Pengerusi)
Almuddin Hashim
(Setiausaha Kht.)
Hj Wan Hussin Zohri
Haji Muhammad Ariff Ahmad
Haji Zainul Abidin Rasheed
Haji Suratman Markasan
Haji Abdul Rahman Tahir
Dr Liaw Yock Fang
Drs Masran Sabran
Kasmadi Haji Nasir
Sardi Shariff
Norulashikin Jamain
Yatiman Yusoff
Ahmad Thani Ahmad
Harun A. Ghani
Mohd Gani Ahmad
Hashim Yusof

SEKATA

Jil 3 – Bil 2 – Disember 1986

KETUA EDITOR
Suratman Markasan

EDITOR
Muhammad Ariff Ahmad
Mohammad Gani Ahmad

SEKATA diterbitkan setahun dua kali, tiap-tiap bulan Jun dan Disember oleh Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran dari Pengerusi JBMS atau Sidang Editor.

Surat-surat boleh dialamatkan kepada :

Setiausaha Kehormat
Jawatankuasa Bahasa Melayu
Singapura,
Kementerian Perhubungan &
Penerangan,
Dewan Bandaraya,
St. Andrew's Road
Singapura 0617.

SEKATA

Disember 1986

2 Daripada Editor

Sikap Kita Terhadap Bahasa Melayu

Masalah Bahasa

HJ MUHAMMAD ARIFF AHMAD

4 Sebutan dan Tulisan (Ejaan) Yang Masih Mengelirukan

Pengetahuan/Bahasa

DR LIAW YOCK FANG

12 Konsep Ayat Tunggal Dalam Bahasa Melayu

DRS LUTFI ABBAS

20 Sebutan Baku Bahasa Malaysia

Berita Bahasa

SURATMAN MARKASAN

25 Peranan Sastera, Melayu Dalam Pembinaan dan Penyatuan Dalam Bahasa Melayu
Bahasa Melayu : Satu Tinjauan Ringkas

44 Dialog dengan Prof Dr. Anton M. Muljono

46 Sidang Ke-25 Majlis Bahasa Brunei Darussalam
Indonesia Malaysia di Kuala Lumpur

SIKAP KITA TERHADAP BAHASA MELAYU

Jika ada guru bahasa yang mengatakan bahawa amat payah baginya untuk menggunakan bahasa Melayu tanpa bercampur dengan bahasa Inggeris, apabila dia harus mengajar bahasa Melayu di kelas yang sama sebelum itu, ia mengajar 'kertas am' dalam bahasa Inggeris. Sebaliknya, beliau mengatakan bahawa dia tidak pernah menggunakan atau secara tidak sedar telah menggunakan bahasa Inggeris, yang bercampur dengan bahasa Melayu ketika mengajar 'kertas am'. Tidak sekali-kali katanya dengan tepat. Persoalannya, mengapa dia harus menggunakan bahasa Inggeris, sedar atau tidak sedar apabila mengajar bahasa Melayu, sedang tidak terjadi demikian apabila dia mengajar dalam bahasa Inggeris?

Persoalannya, kami kira sama dengan orang yang sedang berbicara dalam bahasa Melayu dengan teman-teman Melayunya sendiri, baik dalam percakapan hari-hari secara tidak formal, mahupun dalam keadaan formal seperti dalam majlis mesyuarat, sedang lancar dia berbicara dalam bahasa Melayu, tiba-tiba dia menggunakan bahasa Inggeris, kadang-kadang keseluruhan pecakapannya atau kadang-kadang ketika dia ingin menguatkan maksudnya sahaja. Kami yakin, bahawa orang ini tidak akan menggunakan bahasa Melayu apabila dia sedang enak-enak berbahasa Inggeris.

Dalam hal ini, kami kira yang penting adalah 'sikap' kita terhadap bahasa Melayu atau apa pun bahasanya. Jika seseorang penutur itu tahu kepada siapa dia bercakap dan apakah bahasa yang harus digunakannya, tidak akan timbul masalah mengekalkan bahasa yang digunakan dan menukarnya kepada apa pun bahasa yang diketahuinya apabila dia harus menukarnya.

Ketika kami menghadiri satu seminar antara bangsa baru-baru ini di Kuala Lumpur, profesor dan doktor bahasa, sastera, seni budaya, anthropologi dan yang seumpamanya, bersetuju dengan kami bahawa 'sikap' memandang tinggi atau rendah terhadap bahasalah yang menyebabkan seseorang itu meninggalkan bahasanya sendiri dan menggunakan bahasa asing.

Profesor dan doktor yang berasal dari Francis, Portugal, German Barat, Hawaii, Australia dan Korea Selatan yang masing-masing faham dalam bahasa Inggeris di samping bahasa ibundanya, mahir pula dalam bahasa Melayu/Indonesia, masing-masing berbahasa Melayu dalam seminar tersebut demikian pula apabila berbicara dengan kami di luar seminar. Sebaliknya, mereka akan berbicara dalam bahasa ibundanya apabila mereka bertutur dengan bangsanya, tidak kira di hadapan siapapun. Sebentar mereka akan bertukar berbahasa Melayu apabila bercakap dengan kami dan akan menggunakan bahasa Inggeris, jika ada pendengar yang tidak boleh berbahasa Melayu. Hal ini berlaku, kerana mereka mempunyai 'sikap' bahasa yang betul.

Prof Chung Young Rhim, profesor bahasa Melayu/Indonesia dari Korea Selatan, ketika mengemukakan kertas kerjanya, antara lain menyatakan bahawa dia sering bertemu dengan mahasiswa, pensyarah atau pedagang dari Malaysia yang lebih senang berbicara dalam bahasa Inggeris dan meninggalkan bahasa Melayunya, sedangkan menurut beliau bahasa Melayu itu sebenarnya lebih cantik dan halus jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Dengan meninggalkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya, orang-orang Malaysia itu sebenarnya, menurut profesor itu, telah menghilangkan identiti bangsanya.

SEBUTAN DAN TULISAN (EJAAAN) YANG MASIH MENGELIRUKAN

Haji Muhammad Ariff Ahmad

Seorang peminat 'Sari Bahasa' dari Johor Bahru telah menyatakan keraguannya tentang sebutan dan ejaan bagi kekata yang berpemulakan konsonan /k/ apakala diimbuhi dengan awalan 'me' sama ada /k/ itu luluh atau kekal. Peminat itu merujuk kepada RTM dan SBC bagi sebutan, dan merujuk kepada akhbar-akhbar Melayu bertulisan rumi di Malaysia dan Singapura bagi tulisan/ejaan.

"Kekata 'kagum', kata peminat itu, "apabila dipakaikan awalan 'me' dan akhiran 'kan' seharusnya menjadi 'mengagumkan' bukan 'mengkagumkan' kerana konsonan pemula /k/ luluh tertindih oleh sengauan /ng/ yang mengiringi awalan 'me' tadi, seperti yang berlaku kepada kekata-kekata :

* kukuh jadi : mengukuhkan, bukan mengkukuhkan;

* kalung jadi : mengalungkan, bukan mengkalungkan,
dan lain-lain yang sebagainya."

Pendapat peminat itu memang tidak salah kerana telah menjad' hukum bunyi bahasa Melayu bahawa selain daripada hanya beberapa kekecualian yang sangat terbatas jumlahnya, yang sengaja dilakukan untuk menampakkan perbezaan maknanya, maka semua konsonan pemula /k/, /p/, /s/ dan /t/ adalah luluh apakala kekata yang dimulai dengan konsonan-konsonan itu diimbuhi awalan 'me' atau 'pe' [masing-masing /k/ tertindih oleh sengauan /ng/; /p/ tertindih oleh sengauan /m/; /s/ oleh sengauan /ny/ dan /t/ oleh sengauan /n/]¹, contohnya,

(a) yang /k/ tertindih oleh /ng/ :

* karut jadi : mengarut; pengarut

* keji jadi : mengeji; pengeji

* kurung jadi : mengurung; pengurung

dan lain-lain yang sebagainya.

Yang demikian, berdasarkan pola yang sama : kekata *kagum* itu harus disebut dan ditulis sebagai *mengagumkan*². Maka salahlah kalau kekata itu disebut atau ditulis *mengkagumkan*.

(b) yang /p/ tertindih oleh /m/ :

* paksa jadi : memaksa; pemaksa

* pinjam jadi : meminjam; meminjam

* pungut jadi : memungut; pemungut

dan lain-lain yang sebagainya.

Yang demikian, berdasarkan pola yang sama : kekata *pamer* haruslah disebut dan ditulis sebagai *memamerkan*³, bukan *mempamerkan* kerana tidak terdapat perbezaan makna antara *memamerkan* dan *mempamerkan*.

(c) yang /s/ tertindih oleh /ny/ :

* simpul jadi : menyimpul; penyimpul

* serang jadi : menyerang; penyerang

* suruh jadi : menyuruh; penyuruh

dan lain-lain yang sebagainya.

(d) yang /t/ tertindih oleh /n/ :

* tangan jadi : menangani; penanganan

* tolong jadi : menolong; penolong

* tunggu jadi : menunggu; penunggu

dan lain-lain yang seumpamanya.

Adapun antara yang termasuk kekecualian terbatas itu ialah seperti,

(a) yang /k/ luluh dan /k/ kekal :

* kekata 'kaji'

jadi : mengaji [membaca al-Quran]

jadi : mengkaji [menyelidiki/menyiasat/meneliti]

(b) yang /s/ luluh dan /s/ kekal :

- * kekata 'sakit'
jadi : *penyakit* [sakit yang dideritai]
jadi : *pesakit* [orang yang menderita sakit]
- * kekata 'sara' [nafkah]
jadi : *penyara* [orang yang menafkahi]
jadi : *pesara* [orang yang menerima nafkah]
- * kekata 'sapu'
jadi : *Penyapu* [alat digunakan untuk menyapu]
jadi : *pesapu* [orang yang menyapu]
- * kekata 'sukat'
jadi : *penyukat* [alat untuk menyukat]
jadi : *pesukat* [orang yang menyukat]
- * kekata 'solek'
jadi : *penyolek* [jurusolek/orang yang menyoleki]
jadi : *pesolek* [orang yang suka bersolek]
- * kekata 'suruh'
jadi : *penyuruh* [orang yang menyuruh]
jadi : *pesuruh* [orang yang disuruh]
jadi : *Pesuruh Allah* [Rasulullah s.a.w.]⁴

(c) yang /t/ luluh dan /t/ kekal :

- * kekata 'tanda'
jadi : *penanda* [yang menandai (kata penanda)]
jadi : *petanda* [alamat atau isyarat]
kedua-duanya bukan *pertanda*⁵.
- * kekata 'taruh' [bubuh]⁶
jadi : *penaruh* [orang yang menaruh sesuatu]
jadi : *petaruh* [yang ditaruh sebagai titipan atau cagaran]

Konsonan-konsonan asing seperti /gh/, /f/ dan /sy/ telah diterima menjadi konsonan Melayu dalam bentuk fonem yang asal, tetapi konsonan-konsonan /ts/ (ت) dan /sh/ (ش) adalah dianggap sebagai /s/ (س) Melayu sahaja, dan apabila dipakaikan awalan 'me' atau 'pe' kekata-kekata yang asalnya berpemulakan konsonan /ts/ dan /sh/ itu disamakan hukumnya dengan kekata yang berpemulakan /s/ Melayu sahaja; contohnya,

* *tsabit* [bermakna : sah; pasti; nyata ; jelas] disebut dan ditulis 'sabit' sama seperti *sabit* [pisau lengkung pemotong rumput atau penuai padi]

jadi : *menyabit; penyabit*⁷

* *sabun, sedekah, sifat dan sihat* [antara kekata yang berpemulakan konsonan /sh/ (ش)] telah ditulis dengan /s/ Melayu

jadi : *menyabun; menyedekahkan; menyifatkan* [bukan *mensifatkan*] dan *menyihatkan* [bukan *mensihatkan*]⁸.

Antara 12 patah kekata berpemula /gh/ yang terdaftar dalam DERBM⁹, hanya kekata 'ghaib' sahaja yang sesuai diimbuhi dengan 'me' menjadi 'mengghaibkan' [menghilangkan]. Tidak ada kekata 'pengghaib'.

Antara 46 patah kekata berpemula /sy/ yang terdaftar dalam DERBM¹⁰,

(a) yang /sy/ kekal — tidak luluh :

- * *syarah* jadi : *mensyarahkan; pencyarah*
- * *syarat* jadi : *mensyaratkan*
- * *syariat* jadi : *mensyariatkan*
- * *syukur* jadi : *mensyukuri*

(b) yang /sy/ luluh tertindih /ny/ :

- * *syair* jadi : *menyairkan; penyair*
- * *syirik* jadi : *menyirikkan*

(c) ada 2 patah kekata berpemulakan /sy/ yang apabila dipakaikan awalan 'me' harus diawali dengan 'e' terlebih dahulu sebelum diimbuhi dengan 'me' dan sengauan 'ng', kerana kekata-kekata itu ialah kekata yang *ekasuku*.

- * *syak* jadi : *esyak*, jadi : *mengesyaki*
- * *syor* jadi : *esyor*, jadi : *mengesyorkan*

Lain-lain kekata yang berpemulakan konsonan /sy/, nampaknya, belum serasi lagi untuk dipakaikan awalan 'me' / 'pe' pada peringkat sekarang!

Tentang kekata yang berpemulakan konsonan /f/ pula, antara 109 patah perkataan yang terdaftar dalam DERBM¹¹, baru hanya *lapan* patah kekata sahaja yang sesuai dipakaikan imbuhan 'me' atau 'pe'.

(a) 3 yang /f/nya tidak luluh :

- * *fatwa*¹² jadi : *memfatwakan*
- * *fardu*¹³ jadi : *memfardukan*
- * *fitnah*¹⁴ jadi : *memfitnahi*

(b) 5 yang /f/nya luluh tertindih sengauan 'm' :

- * *faham* jadi : *memahami; pemahaman*
- * *fikir* jadi : *memikirkan; pemikiran*
- * *filem* jadi : *memilemkan; pemileman*
- * *foto* jadi : *memoto; pemoto*
- * *fokus* jadi : *memokus; pemokus*

Manakala yang 101 patah kekata lagi belum popular dengan imbuhan Melayu kerana kebanyakan kekata itu adalah istilah-istilah khusus yang didatangkan dari perbendaharaan bahasa asing.

Suatu hal lagi yang, nampaknya, masih mengelirukan banyak orang ialah penggunaan awalan 'me' kepada kekata yang telah dipakaikan awalan berkonsonan luluh, sedangkan konsonan pemula kata dasar itu sendiri adalah konsonan luluh; misalnya :

(a) jika diimbuhi dengan 'me', kekata :

- * *tengah* jadi : *menengah*
- * *tepi* jadi : *menepi; menepikan*
- * *samping* jadi : *menyampingkan*
- * *temu* jadi : *menemui; menemukan*

(b) jika diimbuhi dengan 'ke', kekata :

- * *tengah* jadi : *ketengah*
- * *tepi* jadi : *ketepi*
- * *samping* jadi : *kesamping*
- * *temu* jadi : *ketemu*
- * *tagih* jadi : *ketagih*
- * *tahu* jadi : *ketahui*
- * *tanah* jadi : *ketanah*
- * *bumi* jadi : *kebumi*
- * *tua* jadi : *ketua*
- * *tawa* jadi : *ketawa*

(c) jika kekata yang telah diimbuhi awalan 'ke' itu diimbuhi pula dengan awalan 'me', maka kekata :

- * *ketengah* jadi : *mengetengahkan*¹⁵
- * *ketepi* jadi : *mengetepikan*¹⁵
- * *kesamping* jadi : *mengesampingkan*¹⁶
- * *ketagih* jadi : *mengetagih*¹⁷
- * *ketahui* jadi : *mengetahui*
- * *ketanah* jadi : *mengetanahkan*
- * *kebumi* jadi : *mengebumikan*¹⁸
- * *ketua* jadi : *mengetuai; pengetua*
- * *ketawa* jadi : *mengetawai; mengetawakan*

Kata-kata ganda yang kata dasarnya berpemulakan konsonan luluh, apabila diimbuhi awalan 'me', maka konsonan pemula ulangannya pun harus konsonan luluh juga; misalnya,

(a) yang berpemula konsonan /k/ :

- * *kipas* jadi : *kipas-kipas*
jadi : *mengipas-ngipas*
- * *koyak* jadi : *koyak-koyak*
jadi : *mengoyak-ngoyakkan*

(b) yang berpemula konsonan /p/ :

- * *pandai* jadi : *pandai-pandai*
jadi : *memandai-mandai*
- * *patut* jadi : *patut-patut*
jadi : *mematut-matut*

(c) yang berpemula konsonan /s/ :

- * *sebut* jadi : *sebut-sebut*
jadi : *menyebut-nyebut*
- * *sia* jadi : *sia-sia*
jadi : *menyia-nyiaikan*¹⁹

(d) yang berpemula konsonan /t/ :

- * *tampar* jadi : *tampar-tampar*
jadi : *menampar-nampar*
- * *tunjuk* jadi : *tunjuk-tunjuk*
jadi : *menunjuk-nunjuk*

Suatu kesilapan yang mungkin kita lakukan selama ini di luar kesedaran analogi ialah mengenai penggunaan frasa '*penagih dadah*' bagi orang-orang yang *ketagihan dadah*. Sama ada kekata *penagih* atau *ketagih*, kedua-duanya adalah berasal dari kekata '*tagih*'.

Tagih bermakna 'tuntut'; *menagih hutang* ialah menuntut [secara hak] hutang daripada yang berhutang. '*Penagih*' ialah orang yang punya wewenang untuk menuntut hutang atau sewa atau barangnya yang dipinjamkan, daripada orang yang berhutang atau yang menyewa atau yang meminjam. Apakah orang-orang yang kita "angkat" sebagai '*penagih dadah*' itu punya wewenang atau hak yang sama seperti *penagih hutang* atau *penagih sewa* tadi, untuk menuntut dadahnya? Jawabnya pasti : *tidak*.

Orang yang kita katakan '*penagih dadah*' itu sebenarnya bukan *penagih* yang hak tetapi orang yang '*ketagih*' iaitu orang yang telah kehantuan oleh *ketagihannya* yang tidak diresutui oleh undang-undang [sama ada undang-undang negara mahupun undang-undang agama].

Oleh kerana mereka bukan orang yang berhak *menagih* maka tidaklah layak mereka dinamakan '*penagih*'; sebaliknya mereka adalah orang yang *ketagih* [yang kehantuan tagihan] maka sesuai mereka dipanggil '*pengetagih dadah*'. Sanggupkah kita mengubah "gelar" mereka : daripada '*penagih dadah*' menjadi '*pengenagih dadah*'? Masalahnya bukanlah tentang pengubahannya, tetapi "penggelaran" itu tidak tepat menurut analoginya.

sampai ketemu lagi

1. lihat sekata jun 1985 ms 18, dan lain-lain.
2. DERBM ms 114 menulis '*mengagumkan*'.
3. TVRI menyebut '*memamerkan*'; DERBM ms 207 menulis '*mempamerkan*'.
4. Oleh kerana kebanyakan konsonan /s/ yang kekal itu memberi makna orang yang melakukan ataupun yang kena lakukan, maka seolah-olah terterimalah kaedah pengekalatan /s/ itu bagi menunjukkan orang yang melakukan suatu, misalnya: *peserta* (orang yang menyertai), *pesawah* (Orang yang bersawah) dan lain-lain yang sebagainya.
5. *pertanda* ialah algojo; orang yang menjalankan hukuman bunuh atas pesalah yang sah.
6. bukan *taruh* yang bermakna 'judi'.
7. lihat DERBM ms 254.

8. lihat DERBM ms 286.
9. lihat DERBM ms 83.
10. lihat DERBM ms 298 — 299.
11. lihat DERBM ms 68 — 70.
12. *fatwa* [pendapat ulamak mengenai agama Islam] telah di-Melayukan jadi : *petua*; *memetuakan* [panduan; menunjukkan atau memberi panduan].
13. *fardu* [wajib] telah juga di-Melayukan jadi : *perlu*; *memerlukan* [penting; mementingkan; mustahak]
14. *fitnah* : selain daripada istilah agama, sudah juga menjadi istilah umum seperti *fikir* dan *faham*; sepatutnya disebut/ditulis *memitnahi* bukan *memfitnahi*.
15. bukan *mengenengahkan*; bukan *mengenepikan*.
16. bukan *mengenyampingkan*.
17. bukan *menagih*; bukan *mengenagih*.
18. lihat DERBM ms 35.
19. *sia-sia* termasuk kata ganda semu; boleh juga disebut *sesia*. Apabila diimbuhi '*me*' menjadi *menyia-nyiaikan* atau *menyediakan*. DERBM ms 285 menulisnya '*mensia-siakan*' [suatu keluarbiasaan].

KONSEP AYAT TUNGGAL DALAM BAHASA MELAYU

Dr. Liaw Yock Fang

Nik Safiah Karim dalam salah satu makalahnya menyatakan ada kesamaran tentang konsep ayat majmuk dalam bahasa Melayu.¹ Sebenarnya bukan ayat majmuk saja yang samar-samar konsepnya, ayat tunggal juga tidak jelas pengertiannya. Kesamaran dan ketidakjelasan ini timbul kerana ahli bahasa kita terpengaruh oleh aliran linguistik yang berlainan. Ada yang berpegang kepada nahu tradisional, ada yang menganut nahu tradisional. Tidak kurang pula yang terpicat oleh nahu transformasi. Keadaan ini memburuk apabila ada ahli bahasa yang cuba memberi pengertian baharu kepada istilah-istilah ini, sedangkan yang lain berpegang teguh kepada konsep atau pengertiannya di dalam bahasa Inggeris. Dalam risalah ini saya akan cuba menghuraikan konsep ayat tunggal, ayat inti di dalam bahasa Inggeris serta pemakaiannya dalam bahasa Melayu.

Ayat tunggal sebenarnya adalah konsep nahu tradisional. Dan nahu tradisional selalu menerangkan bahawa ayat adalah kata atau kumpulan perkataan yang menyatakan fikiran yang lengkap. Tergantung kepada fikiran yang terkandung di dalamnya, ayat dibahagi kepada ayat tunggal (simple sentence), ayat kompleks (complex sentence) dan ayat majmuk (compound sentence). Tentang batasan ayat tunggal, selalu diterangkan bahawa ayat tunggal adalah :

- (a) ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat;
- (b) ayat yang mengandungi satu "finite verb"

"Finite verb" ialah kata kerja yang subjeknya sudah dinyatakan (expressed) atau dimaklumi (understood). Perhatikan ayat-ayat berikut :

1. She came into the room.
(Dia masuk ke dalam bilik.)
2. Come over here.
(Datang ke sini.)

Ayat no. 2 juga dianggap ayat tunggal, kerana subjeknya *You* (kamu) sudah dimaklumi.

Harry Shaw pula mengatakan ayat tunggal adalah ayat yang mencakup hanya satu predikasi yang tunggal (A simple sentence includes only one single act of predication).² Tetapi ayat tunggal boleh mempunyai lebih dari satu subjek dan lebih dari satu predikat, kalau subjek dan predikat itu disatukan dalam satu perbuatan predikasi (single act of predication) iaitu semua subjek mesti melakukan semua perbuatan di dalam predikat :³

Subject	Predikat
1. <i>The mule skinner</i> Pembuat kulit keldai	<i>fell into the well.</i> jatuh ke dalam sumur.
2. <i>The mule skinner and his mule</i> Pembuat kulit dan keldainya	<i>fell into the well.</i> jatuh ke dalam sumur.
3. <i>The mule skinner</i> Tukang kulit keldai	<i>fell and got soaked in the well.</i> jatuh dan menjadi basah kuyup di dalam sumur.
4. <i>The mule skinner and his mule</i> Tukang kulit dan keldainya	<i>fell and got soaked in the well.</i> jatuh dan menjadi basah kuyup di dalam sumur.

Menurut nahu struktural, misalnya *A Short Introduction to English Grammar* yang disusun oleh James Sledd, ayat tunggal (simple sentence) mengandungi hanya satu klausa bebas.⁴ Contoh-contoh yang diberinya adalah seperti berikut :

1. Dogs bite
(Anjing menggigit.)
2. Dogs bite postmen.
(Anjing menggigit posmen.)
3. *Vicious* dogs bite the postmen.
(Anjing jahat menggigit posmen itu.)
4. *Vicious* dogs bite *harmless* postmen.
(Anjing jahat menggigit posmen yang tidak berdosa.)
5. The *vicious* dogs and *cats* bite the *harmless* postmen and *tear* their trousers.
(Anjing jahat dan kucing menggigit posmen yang tidak berdosa serta mengoyak celana mereka.)

Perhatikan kata sifat *vicious* yang ditambah pada ayat no. 3 dan no. 4 dan kata sifat *harmless* yang ditambah pada ayat no. 4. Walaupun ayat no. 3 dan no. 4 sudah diperluas, kedua-duanya tetap adalah ayat tunggal kerana tidak ada klausa atau ayat baru yang ditambah kepadanya. Ayat no. 5 pula mendapat tambahan satu subjek, *cat* (kucing) dan satu predikat, *tear* (= mengoyak), tetapi ayat ini tetap dianggap sebagai ayat tunggal, kerana tidak ada tambahan klausa baru.⁵

Randolph Quirk dan kawan-kawan yang menyusun *A Comprehensive Grammar of the English Language* yang setebal 1779 halaman itu mengatakan bahawa ayat tunggal (simple sentence) adalah ayat yang terdiri dari satu klausa bebas.⁶ Walaupun demikian ayat yang mengandungi klausa lain yang berfungsi sebagai frasa juga digolongkan ke dalam ayat tunggal. Misalnya ayat berikut :

You can borrow the car that belongs to my sister.

(Kamu boleh meminjam kereta yang dipunyai oleh adik perempuan saya.)

Kaum strukturalis, misalnya James Sledd pasti akan menggolongkan ayat ini ke dalam ayat kompleks. Tetapi Randolph Quirk menggolongkannya ke dalam ayat tunggal, kerana *that belongs to my sister* dianggap sebagai bahagian daripada frasa nama yang berkepala *sister*.

Ayat tunggal juga boleh mengandungi dua subjek yang disebutkan subjek koordinate (coordinated subject), misalnya :

1. Nancy and David know my parents.
(Nancy dan David kenal orang tua saya.)
2. Tom and Alice are now ready.
(Tom dan Alice sudah siap sekarang.)

Ayat tunggal belum tentu ayat yang sederhana dan Randolph Quirk memberikan contoh ayat tunggal yang berbelit-belit.

On the recommendation of the committee, the temporary chairman who had previous experience of the medical issues concerned, made the decision that no further experiments on living animals should be conducted in circumstances that might lead to the unfavourable press publicity.

(Atas anjuran jawatankuasa, pengerusi sementara yang mempunyai pengalaman di dalam isu-isu perubatan yang bersangkutan, mengambil keputusan bahawa tidak ada ujian lanjut yang akan dijalankan atas binatang-binatang hidup di dalam keadaan yang mungkin menimbulkan publisiti pers yang kurang baik.)

Saya menghuraikan dengan ringkas konsep ayat tunggal dalam bahasa Inggeris untuk menunjukkan pengaruhnya terhadap nahu bahasa Melayu. Huraian ini juga menunjukkan bahawa ahli bahasa Inggeris juga masih belum mencapai kata sepakat tentang apa yang dimaksud kata tunggal. Dan kalau ahli bahasa Melayu bertelagah fasai ayat tunggal, itu bukan hal yang luar biasa. Marilah kita meninjau pendapat dan konsep ahli bahasa Melayu pula.

Karya Za'ba yang berjudul *Pelita Bahasa Melayu I & II* adalah contoh nahu tradisional di dalam bahasa Melayu. Za'ba tidak banyak menggunakan istilah ayat tunggal. Yang sering digunakannya ialah ayat selapis yang diterangkan sebagai "ayat tunggal", baik pendek, mahupun panjang yang mengandungi satu benda (= subjek) dan satu cerita (predikat).

Keterangan Za'ba tentang ayat selapis sesuai dengan nahu tradisional. Ayat selapis itu mungkin panjang atau pendek. Kalau kita menyuruh seorang dengan berkata : "mati", "pergi", "nanti", "jawablah", dan sebagainya, "mari", "pergi", "nanti", "jawablah" adalah ayat selapis, kerana benda/ subjeknya, "engkau" dan "awak" tidak dibuatkan.

Demikian juga kalau orang bertanya : "Siapa namamu?"; "Mahukah engkau pergi?" dan "Betulkah begitu?" dan kita menjawab "Ali", "mahu" dan "betul". *Ali, mahu dan betul* juga adalah ayat selapis.⁷

Tetapi ayat selapis mungkin juga merupakan ayat yang panjang seperti berikut :

"Pada suatu hari yang sangat panas dalam bulan puasa yang baharu ini saya telah terjumpa seorang peminta sedekah terbaring dengan terlalu amat letih dan dahaganya di tepi suatu parit dalam bandar Singapura".

Ayat ini dianggap ayat selapis kerana ia mengandungi satu benda/subjek : *saya* dan satu cerita/predikat : *terjumpa peminat sedekah*.⁸

Ayat yang mempunyai dua subjek atau dua predikat juga boleh dianggap sebagai ayat selapis, kalau kedua-dua subjek itu dianggap satu atau kedua-dua predikatnya dianggap satu. Misalnya :

1. Getah, bijih timah dan kelapa kering banyak keluar dari Tanah Melayu ini.
2. Dialah mengajar dan melatih saya.

Ayat no. 1 di atas boleh dikira sebagai ayat selapis, kalau *getah, biji timah* dan *kelapa kering* dikira serangkaian kata atau satu benda (subjek) sahaja. Demikian juga *mengajar* dan *melatih* dalam ayat no. 2 boleh dikira satu persatuan, iaitu satu cerita (predikat) sahaja.⁹

Walaupun demikian, Za'ba nampaknya masih ragu-ragu apakah ayat yang mengandungi dua subjek (benda) atau dua predikat (cerita) itu boleh dianggap sebagai ayat selapis. Itulah sebabnya hal ini hanya disebutnya di dalam suatu "peringatan". Sutan Muhammad Zain pula menyatakan hal ini dengan tegas. Di dalam sebuah buku nahu yang dikarangnya, ia menegaskan bahawa ayat yang mengandungi dua pokok, (subjek) atau sebutan (predikat) boleh dianggap sebagai ayat tunggal.

Si Ali dan Si Badu makan. (dua subjek)

Si Ali makan dan minum. (dua predikat)

Dan definisi ayat tunggal yang diberikan ialah : ayat tunggal ialah ayat yang mempunyai atau yang dianggap mempunyai satu pokok (subjek) atau satu sebutan predikat.¹⁰

Tatabahasa Indonesia pada umumnya tidak banyak membincang ayat tunggal, apa lagi membahas apakah ayat yang mengandungi dua subjek atau dua predikat itu boleh dianggap sebagai ayat tunggal, tetapi seorang penulis buku pelajaran bahasa, Ukur Surjaman menyatakan dengan tegas bahasa kalimat (= ayat) yang mengandungi dua subjek atau dua predikat boleh dianggap sebagai kalimat tunggal.¹¹ Ukur Surjaman menakrif kalimat ayat tunggal sebagai berikut : kalimat tunggal ialah kalimat di mana subjek dan predikatnya satu atau dianggap satu. Contoh yang diberikan ialah :

Ia bekerja. (subjek dan predikat satu)

Ali dan Amat Belajar. (subjek Ali dan Amat dianggap satu)

Ali makan dan minum. (predikat makan dan minum dianggap satu)

Dalam hubungan ini saya ingin menyebut sebuah tatabahasa Indonesia yang secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua* (1982) di Singapura. Tatabahasa itu ialah *Tatabahasa Indonesia* yang disusun oleh S. Zainuddin Gl. Png. Batuah. Menurut S. Zainuddin ada dua macam kalimat tunggal di dalam bahasa Indonesia iaitu kalimat (baca : ayat) bersahaja dan kalimat lanjutan. Kalimat bersahaja ialah kalimat yang terdiri dari dua perkataan, iaitu satu menjadi subjek dan yang satu lagi menjadi predikat. Kalimat lanjutan ialah kalimat bersahaja yang bahagian-bahagiannya sudah dijelaskan oleh sesuatu keterangan.¹² Di dalam *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu* di Singapura ayat tunggal dibahagi kepada ayat tunggal bersahaja dan ayat tunggal lanjut. Ayat tunggal bersahaja semuanya adalah ayat yang terdiri dari dua perkataan (sesuai dengan pengertian S. Zainuddin) dan di dalam ayat tunggal lanjut tidak ada ayat yang berpola *Subjek - Verb - Objek* seperti *Saya makan nasi; Dia membaca buku*. Timbul pertanyaan apakah ayat yang mengandungi tiga perkataan seperti *Saya makan nasi* dan *Dia membaca buku* bukan ayat tunggal?

Nahu Malayu Mutakhir yang disusun oleh Asmah Hj. Omar boleh dianggap sebagai nahu struktural di dalam bahasa Melayu, kendatipun teori yang diterapkan Asmah Hj. Omar itu merupakan salah satu cabang linguistik struktural yang dikenal dengan nama nahu sistem (systemic grammar). Asmah Hj. Omar menganalisa ayat dengan berdasarkan jumlah klausa yang terdapat di dalam ayat. Ayat yang terdiri dari satu klausa ialah ayat selapis. Dan klausa itu sejajar atau sama dengan ayat. Perkataan klausa digunakan kalau sebuah ayat menjadi unsur atau bahagian daripada ayat yang lebih besar.¹³

Akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang ayat inti. Ayat inti adalah konsep nahu transformasi. Menurut nahu transformasi, tiap bahasa mengandungi dua jenis ayat, iaitu ayat inti (nucleus/kernel sentence) dan ayat terbitan (derived sentence). Ayat inti adalah ayat dasar sesuatu bahasa yang tidak terbatas jumlahnya tetapi dengan transformasi (penggabungan atau penghilangan bahagian-bahagiannya) dapat melahirkan ayat terbitan yang tidak terbatas jumlahnya.

David Crystal menakrifkan ayat inti sebagai berikut : ayat ini adalah ayat yang sederhana (simple), aktif, afirmatif dan deklaratif.¹⁴

Di dalam bahasa Melayu, Asraflah yang betul-betul menggunakan pendekatan nahu transformasi dalam kajian nahu Melayu. Menurut Asraf, ayat inti adalah "ayat sederhana, ayat berita, ayat aktif dan ayat isbat yang menjadi asal dan dasar-dasar ayat-ayat lain yang disebut ayat-ayat terbitan".¹⁵ Takrif Asraf ini sesuai dengan batasan yang diberikan oleh David Crystal. Selain daripada Asraf, Liaw Yock Fang di dalam *Nahu Melayu Moden* juga menggunakan pendekatan nahu transformasi dalam kajiannya.¹⁶ Di samping itu masih ada beberapa orang ahli bahasa yang menggunakan konsep ayat inti dalam kajian mereka tetapi menggunakan istilah lain. Halimah Wok Wang, misalnya menyebut ayat inti sebagai ayat dasar.¹⁷ Penyusun *Tatabahasa Dewan* juga menamakan ayat inti sebagai ayat dasar.¹⁸ Samat Md. Nasir bahkan menyamakan ayat inti dengan ayat tunggal dan mengutip definisi ayat tunggal Nik Safiah yang berbunyi : ayat tunggal adalah "ayat yang mempunyai satu frasa nama (FN) sebagai subjek dan satu frasa lain sebagai predikat".¹⁹ Arbak Othman pula menyamakan ayat inti dengan ayat selapis. "Ayat selapis adalah ayat yang dikenali juga dengan nama ayat inti, yakni tidak termasuk ayat pasif", demikian diterangkan Arbak Othman.²⁰ Mungkin inilah sebabnya Nik Safiah Karim mengatakan bahawa ayat tunggal juga dikenal dengan nama-nama ayat dasar, inti dan sebagainya.²¹

Dari huraian di atas kita boleh menarik kesimpulan bahawa ada kekacauan dalam konsep dan penggunaan istilah ayat tunggal, ayat inti dan ayat selapis dalam bahasa Melayu. Ayat tunggal, walaupun adalah padanan *simple sentence* dalam bahasa Inggeris tetapi ayat tunggal yang digunakan dalam nahu Melayu sekarang, misalnya *Nahu Melayu Moden* tidak sama seperti *simple sentence* dalam bahasa Inggeris.²² Ayat tunggal ini juga berbeza dengan ayat selapis yang dimaksud Za'ba atau ayat tunggal yang dimaksud oleh Sutan Mohd. Zain dan para penganut nahu tradisional lain. Konsep ini juga tidak memasukkan ayat yang terdiri dari dua subjek atau

dua predikat ke dalam ayat tunggal. Ayat ini pula adalah ayat dasar yang paling sederhana bentuknya dan dari transformasi ayat inti kita dapat menghasilkan atau menerbitkan jumlah ayat yang tidak terbatas di dalam sesuatu bahasa. Ayat dasar (basic sentence) adalah "ayat yang strukturnya sederhana, yang dipakai untuk contoh melatih pola-pola yang lebih ruwet".²³ Ayat selapis adalah istilah Za'ba yang konsepnya sama dengan ayat tunggal dalam bahasa Inggeris. Adalah satu penyelewengan untuk menyebut/menyamakan ayat tunggal dan ayat selapis dengan ayat inti.

1. Nik Safiah Karim, "Ayat Majmuk Dalam Bahasa Melayu", *Dewan Bahasa*, Jilid 23, bil. 1, (1979), hal. 9.
2. Harry Shaw, *Handbook of English*, Toronto, 1979, ha. 34.
3. *loc. cit.*
4. Klausa sebenarnya adalah ayat juga. Apabila sebuah ayat menjadi bahagian daripada ayat yang lebih besar, ia diberi nama klausa.
5. James Sledd, *A Short Introduction to English Grammar*, Chicago, (1959), hal. 175.
6. Randolph Quirk, Sidney Greenbaum, Geoffrey Leech & Jan Svartvik, *A Comprehensive Grammar Of The English Language*, London, 1985, hal. 719 – 720, 759.
7. Za'ba, *Pelita Bahasa Melayu* II, London, 1962, hal. 2.
8. *Ibid.*, hal. 3.
9. Za'ba, *Pelita Bahasa Melayu* I, Kuala Lumpur, 1965, hal. 278; *Pelita Bahasa Melayu* II, London, 1962, hal. 138.
10. Sutan Muhammad Zain, *Djalan Bahasa Indonesia*, Jakarta, 1958, hal. 138.
11. Ukur Surjaman, *Latihan Tandja-Djawab Tatabahasa Indonesia*, Jakarta, 1958, hal. 58.
12. S. Zainuddin Gl. Png. Batuah, *Tatabahasa Indonesia*, Jakarta, hal. 217 – 220.
13. Asmah Hj. Omar, *Nahu Melayu Mutakhir*, Kuala Lumpur, 1980, hal. 345.
14. David Crystal, *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*, Oxford, 1985, hal. 170.
15. Asraf, "Tatabahasa Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia", Kertas Kerja Seminar, 1974, hal. 28.
16. Liaw Yock Fang, *Nahu Melayu Moden*, Singapura, 1985, hal. 177 – 179.
17. Baca Abdullah Hassan, *Rencana Linguistik*, Kuala Lumpur, 1978, hal. 97 – 104.
18. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, Abdullah Hamid Mahmood, *Tatabahasa Dewan*, Jilid I, Kuala Lumpur, 1986, hal. 43, 249.
19. Samat Md. Nasir, *Ayat Komplemen Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur, 1985, hal. 73 – 76.
20. Arbak Othman, *Tatabahasa Malaysia*, Kuala Lumpur, 1981, hal. 241.
21. Nik Safiah Karim, *op. cit.*, hal. 10.
22. Liaw Yock Fang, *op. cit.*, hal. 191 – 192.
23. Harimurti Kridalaksana, *Kamus Linguistik*, Jakarta, 1983, hal. 72.

SEBUTAN BAKU BAHASA MALAYSIA

*Drs. Lutfi Abas
(Universiti Malaya)*

TUJUAN BENGKEL

Tujuan kita mengadakan bengkel hari ini ialah :

- (1) (a) menentukan sikap PLM sama ada kita akan atau tidak akan meneruskan perjuangan kita membakukan sebutan BM;
- (b) jika kita mengambil sikap akan terus memperjuangkan pembakuan sebutan BM, kita akan membincangkan apakah ciri-ciri sebutan baku BM itu;
- (c) jika (b) diambil, kita akan membincangkan alasan-alasan yang baik mengapa kita memerlukan sebutan baku BM sehingga pihak kerajaan (khususnya kabinet) dapat menerima sebutan baku BM itu dan mungkin mengundang-undangkannya atau membuat tindakan lain yang memungkinkan sebutan baku BM digunakan untuk kegunaan rasmi di negara kita.

TAKRIF SEBUTAN BAKU

Saya mengusulkan agar kita, sebelum membuat sesuatu takrif sebutan baku BM, melihat dahulu beberapa takrif dan pendapat tentang sebutan baku Bahasa Inggeris, iaitu yang disebut mereka RP (singkatan *Received Pronunciation* 'Sebutan Yang Diterima'). Di antara beberapa takrif dan penjelasan RP itu termasuklah :

- (2) (a) *It is based on my own (Southern) speech, and is, as far as I can ascertain, that generally used by those who have been educated at 'preparatory' boarding schools and the 'Public School'* [Ia didasarkan pada sebutan (Selatan) saya sendiri, dan, setakat yang dapat saya kesan, adalah yang biasanya digunakan oleh mereka yang telah bersekolah di sekolah-sekolah berasrama *preparatory* dan *Public School*] (Jones, 67 : 12);
- (b) *The pronunciation recommended is a type of 'standard southern English', which means the speech of an educated person having no marked regional characteristics.* [Sebutan yang diusulkan adalah satu jenis 'Bahasa Inggeris kawasan selatan yang baku', yang bermakna sebutan seseorang yang berpendidikan yang tidak mempunyai sifat-sifat kedaerahan yang nyata.] (Pring, 59 : x)
- (c) *RP is not the accent of any region* [RP bukanlah pelat kawasan mana pun] (Hughes, 79 : 12)
- (d) *It is quite impossible to say from his pronunciation where an RP speaker comes from.* [Agak tidak mungkin untuk menentukan daripada sebutannya dari mana seseorang penutur RP datang.] (Hughes, 79 : 12)
- (e) *... and 'Received Pronunciation' ... and that commonly taught to students learning English as a foreign language [... dan 'Sebutan Yang Diterima' ... dan biasanya diajarkan kepada pelajar-pelajar yang belajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing.]* (Wakelin, 72 : 5)
- (f) *It has been estimated that only about three per cent of the English population speak RP* [Diperkirakan bahwa lebih kurang hanya *tiga peratus* saja penduduk Inggeris yang bercakap dengan RP.] (Hughes, 79 : 3)

Berdasarkan (2) di atas, panduan-panduan kita untuk membuat takrif sebutan baku BM diusulkan :

- (3) (a) Sebutan baku BM berdasarkan sebutan seseorang dari Selatan;
- (b) Tetapi seseorang dari Selatan yang berpendidikan (bukan yang tidak berpendidikan);

- (c) Pendidikannya di sekolah aliran BM (bukan aliran Bahasa Inggeris, dan apalági bukan di luar negeri);
- (d) Sebutan baku BM itu tidak mempunyai ciri-ciri loghat Johor atau Kedah atau kawasan mana pun;
- (e) Sebutan baku BM itu tidak sama dengan pelat mana pun;
- (f) Kita tidak dapat mengetahui dari mana seseorang itu datang berdasarkan sebutan baku BM yang digunakannya;
- (g) Jika kita mengajarkan sebutan BM kepada pelajar-pelajar asing, maka sebutan baku BM yang diajarkan itu bukan pelat sesuatu kawasan;
- (h) Jumlah penutur dan penggunaan sebutan baku BM itu sangat kecil, lagi pun kita hanya menggunakannya pada suasana rasmi sahaja.

CIRI-CIRI SEBUTAN BAKU

Kita mesti memutuskan ciri-ciri sebutan baku BM berdasarkan (2 – 3) di atas :

- (4) (a) [a] atau [ə] untuk huruf a akhir;
- (b) [ʃ] atau [r] untuk huruf r bukan akhir;
- (c) [r] atau [Ø] untuk huruf r akhir;
- (d) [u] atau [o] untuk huruf u dalam suku kata tertutup akhir,
- (e) [i] atau [e] untuk huruf i dalam suku kata tertutup akhir.

KEBAIKAN-KEBAIKAN ADANYA SEBUTAN BAKU BM

Kita mesti memberikan alasan-alasan yang baik mengapa kita memerlukan sebutan baku :

- (5) (a) modernisasi BM memerlukan sebutan baku seperti yang diperlukan oleh setiap bahasa moden,
- (b) pendidikan : guru dan murid mesti menggunakan sebutan baku untuk saling memahami dengan mudah. (Jika guru dan murid menggunakan sebutan-sebutan yang berbeda, pendidikan akan susah dilaksanakan);

- (c) komunikasi kerajaan – rakyat : sebutan baku diperlukan untuk kelancaran komunikasi; ini terutama perlu dalam masa yang genting;
- (d) persatuan bangsa dapat dipupuk dengan adanya sebutan baku BM;
- (e) prasangka buruk terhadap sesuatu kaum dapat dihilangkan;
- (f) sebutan baku akan menghilangkan perasaan seseorang yang merasakan dirinya terasing apabila semua orang lain menggunakan sesuatu pelat atau loghat tertentu;
- (g) tiada sesuatu negeri yang boleh mendakwa dengan penuh kesombongan bahawa sebutan baku BM sama dengan sebutan loghatnya;
- (h) tiada beda di antara tulisan dengan sebutan baku BM;
- (i) tiada beda di antara sebutan nyanyian dengan sebutan rasmi;
- (j) tiada beda aturan sebutan di antara kata-kata sehari-hari dengan istilah-istilah ilmiah;
- (k) pelajar asing mudah mempelajari sebutan baku BM (tidak seperti sekarang ia mesti mempelajari berbagai-bagai sebutan untuk berbagai-bagai suasana.)

KEBURUKAN PENGGUNAAN SEBUTAN BAKU BM

Jika sebutan baku BM akan diadakan, maka :

- (6) (a) belanjanya besar bagi kerajaan untuk melatih guru-guru dan para juru hebah radio dan televisyen agar mereka dapat menghentikan sebutan mereka sekarang dan menggantikannya dengan sebutan baku BM agar sebutan mereka menjadi contoh pelajar dan masyarakat seperti yang dibuat dan berlaku di Britain untuk RP;
- (b) semua pelajaran BM dan pelajaran-pelajaran lain di radio dan televisyen yang menggunakan sebutan bukan baku BM sekarang ini mesti diganti atau diubah sehingga hanya sebutan baku BM sahaja yang terdengar, dan ini akan memerlukan belanja yang besar;
- (c) kempen-kempen menggunakan sebutan baku BM dalam suasana rasmi mesti diadakan, dengan penerangan-penerangan mengapa hal ini mesti dibuat agar rakyat menyedari kegunaan sebutan baku BM itu, dan ini memerlukan masa, tenaga dan perbelanjaan;

- (d) semua pemimpin terpaksa meluangkan masa untuk belajar sebutan baku BM (seperti yang dibuat oleh kebanyakan pemimpin Inggeris untuk belajar sebutan RP) agar mereka dapat menggunakannya dalam suasana rasmi dan menjadi contoh dan anutan rakyat,
- (e) rakyat akan bingung mengikuti perkembangan baru ini : sudah berkali-kali hingga sekarang mereka ditegur tidak mengeja dengan betul, tidak menggunakan imbuhan yang betul, tidak menggunakan ayat yang betul, dan sekarang mereka akan diminta pula menyebut BM haku dengan betul;
- (g) berbagai-bagai pihak akan menyuarakan pendapat mereka tentang sebutan baku BM ini, dan ini akan menimbulkan suasana yang tidak menyenangkan.

USUL-USUL PENYELESAIAN

Saya mengusulkan; agar :

- (7) (a) takrif sebutan baku BM berpandukan takrif RP Bahasa Inggeris (lihat (2 - 3));
- (b) ciri-ciri sebutan baku ialah kesamaan untuk semua kata dan istilah berdasarkan ejaan fonemik untuk suasana rasmi (lihat (4));
- (c) untuk mengurangkan belanja, guru-guru dan para juru hebah sahaja yang mula-mula dilatih dan dimestikan menggunakan sebutan baku BM (lihat (6a-b)).

BACAAN

- A. Hughes and P. Trudgill, 1979 : *English Accents and Dialects*, Arnold, London.
- D. Jones, 1967 : *An Outline of English Phonetics*, Heffer, Cambridge.
- R.K.S. Macaulay, 1977 : *Language, Social Class, and Education*, Edinburgh University Press, Edinburgh.
- J. T. Pring, 1959 : *Colloquial English Pronunciation*, Longmans, London.
- M. F. Wakelin, 1972, *English Dialects*, Athlone, London.

PERANAN SASTERA MELAYU DALAM PEMBINAAN DAN PENYATUAN BAHASA MELAYU: SATU TINJAUAN RINGKAS

Suratman Markasan

Pendahuluan

Bahasa telah digunakan oleh manusia untuk berhubung antara satu dengan lain sejak manusia lahir. Tanpa bahasa, akan terlalu terbatas perhubungan yang dapat dilakukan oleh manusia. Bagaimanapun, ada syarat yang lebih daripada itu untuk manusia yang berhubung itu dapat melakukannya dengan cukup berkesan. Syarat tersebut adalah bahasa yang digunakan sebagai lambang atau kod perhubungan itu harus dapat difahami dengan cukup baik oleh kedua belah pihak yang saling berhubung.

Jika dilihat lebih dekat lagi, bahawa perhubungan yang berlaku setiap waktu bukanlah sekadar keperluan perhubungan sehari-hari sahaja, bahkan hubungan yang lebih daripada itu. Antaranya adalah perhubungan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sejarah, pendidikan, kesusasteraan dan ekonomi. Jika disimpulkan keseluruhannya satu, iaitu kebudayaan.

Kebudayaan yang dimiliki dan diwarisi oleh datuk nenek kita tidak akan sampai kepada kita hari ini, jika tidak ada bahasa yang menjadi alat untuk menyampaikan kepada kita. Kebudayaan yang tercatat di dalam bentuk tulisan atau yang tidak tercatat dalam bentuk tulisan tetap memerlukan bahasa selaku alat yang boleh memberitahu kita hari ini.

Kesusasteraan Melayu klasik yang tercatat di dalam bentuk tulisan atau yang belum tercatat di dalam bentuk tulisan, dapat kita baca atau kita dengar melalui bahasa. Tanpa bahasa sekali lagi kami tegaskan, sastera tidak akan boleh dibaca dan didengar. Dengan itu pula tidak akan wujud sastera Melayu klasik seperti yang kita punyai sekarang.

Kesusasteraan ialah satu daripada barang yang mahu disampaikan oleh penulis kepada pembaca atau pendengarnya, dan sastera atau tulisan kreatif yang menggunakan bahasa yang baik dan mudah difaham serta tepat maksudnya saja yang akan menjadi sastera bernilai.

Kesusasteraan atau hasil tulisan kreatif boleh merupakan satu-satunya wadah bahasa yang berpotensi untuk mengembangkan bahasa. Dalam hal ini, jika kita mengambil beberapa hasil tulisan sastera klasik Melayu, terutama yang diambil dari jarak waktu yang berbeza antara satu dengan yang lain, akan jelas kelihatan perkembangan bahasanya. Untuk itu, kami hanya sempat melihat dari tiga aspek sahaja, iaitu dari segi kosa kata, struktur ayat dan gaya bahasa. Dalam petikan-petikan berikut, kami mengambil dari *Hikayat Si Miskin* (HSM), mewakili zaman sastera penglipur lara. Kedua, *Hikayat Amir Hamzah* (HAH) yang mewakili zaman sastera berunsur Islam dan yang ketiga, *Hikayat Abdullah* (HA) yang mewakili zaman sastera Melayu Moden tahap pertama.

Petikan 1, *Hikayat Si Miskin* :

"Ini hikayat ceritera orang dahulu kala. Sekali peristiwa, Allah Subhanahu wa-Ta'ala, kekayaannya kepada hambaNya, maka adalah seorang miskin laki bini berjalan mencari rezekinya keliling negeri Antah Berantah. Ada pun nama raja di dalam negeri itu Maharaja Indera Dewa namanya, terlalu amat besar kerajaan baginda itu, beberapa raja-raja di tanah dewa itu takluk kepada baginda dan menghantar upeti kepada baginda pada tiap-tiap tahun.

Hatta maka pada suatu hari baginda sedang ramai dihadap oleh segala raja-raja, menteri, hulubalang, rakyat sekalian ada di penghadapan, maka Si Miskin itu pun sampailah ke penghadapan itu. Setelah dilihat oleh orang banyak Si Miskin laki bini dengan rupa kainnya seperti di-mamah anjing rupanya, maka orang banyak itu pun ramailah ia tertawa, seraya mengambil kayu dan batu, maka dilemparnya akan Si Miskin itu, kena tubuhnya habis bengkak-bengkak dan berdarah. Maka segala tubuhnya pun berlumur dengan darah, maka orang pun gemparlah . . ."

(Bunga Rampai Melayu Kuno, 42 - 43)

Petikan 2, *Hikayat Amir Hamzah*

"Alkisah diceriterakan oleh orang, yang empunya ceritera ini, dalam negeri Mekah itu ada seorang laki-laki daripada cucu Nabi Ismail, 'alaihissalam, namanya Khoja Abdul Muttalib disebut orang. Ada pun sayid itu sebelas orang anaknya laki-laki, tetapi sayid itu sedia kala kerja memelihara ka'bah Allah juga.

Ada pun tatkala itu segala kafir dalam negeri itu sedia kala hendak membinasakan ka'bah Allah juga. Maka Khoja Abdul Muttalib pun sentiasa menyapu ka'bah Allah dengan janggutnya dan minta doa kepada Allah Ta'ala, supaya dianugerahkan Allah Ta'ala anak laki-laki yang pahlawan dan perkasa akan membunuh segala kafir, yang seteru agama itu, supaya berdiri agama Islam. Demikianlah niatnya, dua belas tahun lamanya Khoja Abdul Muttalib menyapu ka'bah Allah dengan janggutnya.

Maka kemudian dianugerahkan Allah Ta'ala isteri Khoja Abdul Muttalib pun hamillah. Maka Khoja Abdul Muttalib pun sukacitalah mendengar isterinya hamil itu. Maka Khoja Abdul Muttalib pun menantikan anaknya itu jadi.

Hatta warta Khoja Buzurjmir Hakim pun datang ke Mekah mengatakan, ada seorang menteri raja Kobad Shahriar, menteri besar daripada sekalian, sekarang ia datang ke negeri Arab, katanya, dititahkan raja Kobad Shahriar akan membunuh segala orang yang bunting dengan anaknya sekali. Maka segala orang dalam negeri Mekah itu pun takutlah, sebab mendengar warta itu . . ."

(Bunga Rampai Melayu Kuno, 189)

Petikan 3, *Hikayat Abdullah*

"Maka kulihat orang-orang itu semuanya tampan-tampan belaka dengan tinggi besarnya. Maka semuanya ada bercambang. Ada pun pakaian mereka itu berbaju kelabu dan seluar kelabu dan kopiahnya kelabu. Maka senjatanya pada seorang sepasang pistol dan sebilah pedang dan sepucuk senapang tersandang di belakangnya dan satu karpai ubat bedil tersangkut pada kirinya dan satu pundi-pundi bekas makanannya tersangkut pada bahunya. Maka ada pula dua tali kulit, yang pada pelana kudanya itu, iaitu ada berkunci. Maka apabila ia naik ke atas kudanya itu, datanglah kedua punca kulit itu menguncikan pinggangnya, supaya jangan jatuh, kerana semuanya orang-orang itu tiada memegang tali

tomnya, seperti terbang rupanya. Jangankan jatuh, bergerak pun ia tiada, sambil ia menembak dan mengisi senapang dan menetakkan padangnya.

Bermula ada pun orang besarnya mengajar itu bukannya berkata-kata dengan mulutnya, melainkan ada satu terompet di tangannya. Maka barang apa kehendaknya ditiupnya terompet itu. Maka semuanya kuda itu berlari sekaligus, seperti kilat pantasnyanya. Maka ditiupnya pula, berhenti semua sekali, tiada yang dahulu, kemudian, melainkan sama kaki kudanya. Maka ditiupnya pula, berpecahlah kuda itu menjadi empat persegi seperti kota. Kemudian ditiupnya, semuanya sekaligus menembak senapangnya, seperti satu bunyi . . . ”

(Bunga Rami Melayu Kuno, 217 – 218)

Dari tiga buah hikayat yang ditulis dalam zaman yang berbeza later belakangnya, kita melihat betapa bahasa Melayu yang digunakan oleh penulis-penulisnya juga turut berbeza dan menampilkan tanda-tanda perkembangannya pula. Hal ini dapat dilihat dari sudut kosa kata, struktur ayat dan gaya tulisannya. Dari daftar kosa kata di bawah ini, kami melihat kata-kata yang digunakan antara *Hikayat Si Miskin* (HSM) dengan *Hikayat Amir Hamzah* (HAH) ada sedikit persamaan. Sebaliknya jika dibandingkan kosa kata yang digunakan antara HSM dengan HAH, amat jauh sekali bezanya. Bagaimanapun, kosa kata yang digunakan oleh penulis HSM dengan penulis HAH tetap menampilkan kelainannya. Dari contoh daftar kata di bawah ini, jelas menunjukkan betapa Munsyi Abdullah telah banyak meninggalkan kosa kata dan frasa klise. Satu keunikan baginya juga, walaupun hidupnya begitu rapat dengan Raffles dan orang Inggeris yang lain, tapi dari segi penggunaan kosa kata, tidak terdapat atau jarang sekali ia menggunakan perkataan Inggeris.

Bagaimanapun, ditinjau dari segi penggunaan kata pembuka ayat atau istilah lama menyebutnya sebagai ‘perdu perkataan’, ketiga-tiga hikayat yang menjadi pembicaraan kami, masih tetap menggunakannya. Dalam potongan-potongan yang kami turunkan, hanya kelihatan kata-kata ‘hatta’ dan ‘maka’, akan tetapi sebenarnya banyak lagi masih dipakai, misalnya kata-kata: ‘arakan’, ‘kalakian’, ‘syahadan’ dan yang seumpama dengannya.

Hikayat Si Miskin	Hikayat Amir Hamzah	Hikayat Abdullah
hikayat ceritera sekali peristiwa maka maka adalah hatta maka	alkisah ceritera maka maka kemudian hatta warta	maka hatta segala orang ada pun bermula ada pun
segala raja-raja ada pun	segala kafir ada pun ada pun tatkala	sekali gus tali tom ubad bedil karpai
itu pun terlalu amat	anaknyanya itu jadi	

Dari aspek struktur ayat pula, kita akan melihat lebih jelas lagi perkembangan bahasa Melayu ketika itu. Satu kebiasaan dalam pembentukan ayat dalam bahasa Melayu lama ialah pembentukan ayat yang panjang. Dalam pembentukan begini, sering ayat-ayat itu tidak terlepas dari beberapa kelemahan. Dan kesalahan atau kelemahan yang sering ditemui ialah kelemahan ayat-ayat itu tidak dapat menyampaikan maksudnya dengan tepat. Dalam tiga hikayat yang menjadi pokok pembicaraan, kami melihat HSM dan HAH banyak kali menggunakan pembentukan ayat-ayat, panjang, berbanding dengan HA yang jarang mempunyai bentuk ayat-ayat panjang.

Dalam HA, penulisnya menggunakan pembentukan ayat-ayat pendek dan tepat kepada maksud yang ingin disampaikan. Dari jumlah perkataan yang paling sedikit daripada dua hikayat yang kami bicarakan, Munsyi Abdullah menggunakan 13 ayat berbanding dengan HSM dan HAH yang

masing-masing 142 patah perkataan dengan 6 ayat dan 196 patah perkataan dengan 10 ayat. Dalam HA, hanya terdapat dua ayat panjang daripada 13 ayat bererti cuma 15.3%, sedang HAH tiga ayat panjang daripada jumlah 10 ayat bererti 30% dan HSM empat ayat panjang daripada jumlah 6 ayat bererti 66% yang panjang.

Jumlah kata dalam tiap ayat :

Nombor ayat	Hikayat Si Miskin	Hikayat Amir Hamzah	Hikayat Abdullah
1	6	<u>26</u>	10
2	<u>22</u>	18	4
3	<u>35</u>	16	13
4	<u>28</u>	<u>39</u>	<u>31</u>
5	<u>40</u>	14	15
6	11	11	<u>29</u>
7		10	15
8		9	17
9		<u>40</u>	7
10		13	10
11			14
12			11
13			10
Jumlah kata	142	196	127

Yang akhir, mari kita perhatikan dari segi gaya bahasa yang digunakan oleh penulis-penulis tiga hikayat tersebut. Pada umumnya, hikayat-hikayat lama menggunakan kata pembuka ayat atau 'perdu perkataan' bagi ayat pertama dalam setiap memulakan paragraf baru. Gaya bahasa baru yang digunakan oleh Munsyi Abdullah, pertama-tama menggunakan sudut pandangan orang pertama yang sebelum itu belum dilakukan oleh mana-mana penulis. Kedua, ia sering menggunakan setiap permulaannya dengan menggunakan kata 'maka', perhatikan :

Maka kulihat orang-orang itu . . .
 Maka semuanya ada bercembang . . .
 Maka senjatanya . . .
 Maka ada pula . . .
 Maka apabila . . .
 Maka barang apa . . .
 Maka semuanya . . .
 Maka ditiupnya pula . . .

Ketiga, ia gemar menggunakan kata sambung 'dan' bukan saja untuk menyambung setiap ayat-ayatnya, bahkan ia juga sering memulakan ayatnya dengan kata sambung 'dan'. Bentuk begini sering digemari oleh penulis-penulis dewasa ini, baik di Indonesia, Malaysia mahupun di Singapura. Perhatikan :

"Bermula maka adalah dibawanya beberapa perkara barang-barang yang indah-indah daripada perbuatan Eropah, iaitu seperti beberapa macam berperti-peti *dan* pistol *dan* kain atlas yang mahal-mahal harganya *dan* kain kasa bunga emas *dan* lagi . . ."

Dan lagi ia hendak memberi surat-surat . . .
 Dan lagi terlalu pandai ia membunuh perkataan orang . . .
 Dan lagi terlalu kuasa ia memeriksa akan segala . . .
 Dan lagi adalah selalu . . .
 Dan lagi kulihat . . .

Selain itu, Munsyi Abdullah menggunakan gaya bahasa yang segar dan baharu yang belum pernah digunakan oleh penulis-penulis sebelumnya, seperti :

seperti terbang rupanya . . .
 seperti kilat pantasnya . . .
 tangannya terbuka kepada orang miskin . . .
 terlalu pandai ia membunuh perkataan orang . . .

Dari penjelasan yang kami kemukakan, kami yakin bahawa tidak dapat disangkal lagi bahawa kesusasteraan tetap menjadi satu daripada wadah yang berpotensi untuk pembinaan dan pengembangan bahasa.

Dari petikan-petikan yang akan kami kemukakan di bawah ini, sekali lagi kami dapat menunjukkan bahawa sastera memang satu-satunya wadah yang berpotensi untuk mengembangkan dan membina bahasa yang digunakan ketika menulis hasil tulisan kreatifnya.

Petikan 1, Idah albab, (sebuah buku agama)

“... Bermula frak yang keempat pada menyatakan syak pada talak dan syak pada bilang-bilang talak (.) maka jika syak suami pada talak seperti kata adakah sudah talak atau tiada atau syak pada talak dengan taklik adakah dapat sifatnya atau tiada atau syak pada bilang-bilang gatnya adakah dua atau satu (.) Maka tiada jatuh talaknya pada dua surah yang pertama diambil yang kurangnya pada surah yang akhir . . .”

(Idah albab, lamrid aanikah bilsaud, hlm. 36)

Petikan 2, Undang-undang Melaka

“... Lima perkara, yang tiada beroleh kita menurut kata itu, melainkan raja yang kerajaan juga. Pertama-tama ‘titah’, kedua ‘berpatik’, ketiga ‘murka’, keempat ‘kurnia’, kelima ‘anugerah’. Maka segala kata ini tiada dapat kita mengatakan dia. Dan jikalau hamba raja mengatakan dia itu, dibunuh hukumnya, dan jikalau orang keluaran berkata demikian itu, digocoh hukumnya.

Ada pun, ‘menjunjung duli’ itu pun, dibunuh hukumnya, jikalau tiada dengan kurnia atau berbuat surat titah. Demikianlah adat hamba kepada tuannya, supaya jadi sempurna kemuliaan tuannya pada hukum kanun . . .”

(Undang-undang Kanun Melaka,
Bunga Rampai Melayu Kuno, hlm. 194 – 195)

Petikan pertama mengenai pelajaran agama dan petikan kedua mengenai undang-undang, amat payah untuk dibaca sekali jalan dan kemudian difahami, kerana struktur ayat-ayatnya tidak menurut susunan struktur kebiasaan ayat bahasa Melayu. Selain itu, penulisnya juga tidak menggunakan perkataan yang betul di tempat-tempat yang seharusnya digunakan perkataan yang tepat. Dalam petikan pertama, kemungkinan besar kerana terpengaruh dengan bahasa Arab. Sedang dalam petikan kedua, penulisnya tidak menggunakan

perkataan yang betul dan tepat, sehingga menjadikan ayat-ayat itu lemah dan tak berdaya membawa makna. Dalam hal ini, umumnya penulis sastera kreatif jarang membentuk ayat-ayat yang demikian bentuknya.

Jika kita meneliti lebih jauh lagi, dengan mengambil sastera Melayu moden yang dimulai dari Abdul Rahim Kajai hingga akhir tahun 50-an, dengan menggunakan kayu ukur yang sama iaitu penggunaan kosa kata, struktur ayat dan gaya bahasa, kita akan dapat melihat betapa jelas bahawa sastera memainkan peranan mengembangkan dan membina bahasa. Di bawah ini, kami turunkan tiga petikan; pertama dari sebuah cerpen A. Rahim Kajai yang diberi nama *Jamil dan Jamilah*, kedua fragmen novel Ahmad Murad *Nyawa di Hujung Pedang* dan cerpen Keris Mas *Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan*.

Petikan 1, Jamil dan Jamilah

“Di antara anak-anak muda yang banyak itu ada seorang bernama Mohammad Jamil umurnya belum lebih dari 20 tahun. Rupanya hitam manis susuk badannya agak gempal *sedikit berpadanan dengan rupa seorang yang tengah naik*.

Mohammad Jamil itu terkenal sebagai seorang budak yang nakal suka berkumpul dengan budak-budak yang jahat menjala siang malam menjadi *pelesit yang tiada bertuan*. Ia pemalas dan penyegan tetapi penjudi.

Bapanya telah mati tetapi maknanya ada *maka* tiadalah hairan maknanya *kenyang memakan hati* melihat kelakuannya yang tiada senonoh. Bekerja *culas, nasi hendak ke lutut* modal judi ayam di dalam reban.

Jirannya yang hampir sekali ada *menaruh seorang gadis* bernama Jamilah. Rumah Jamilah ini ialah sebuah rumah yang *terpandang* kerana ayahnya *terhitung* sebagai seorang yang *ternama* di situ. Jamilah ini dikenali oleh sekalian anak-anak muda kerana parasnya menarik hati tambahan pula ia seorang pesolek dan *mampu membersihkan diri* dan pakaiannya. *Maka* tiadalah hairan jika nama Cik Jamilah itu *meniti* dari satu lidah anak muda tiap-tiap hari . . .”

(Rintisan, hlm. 33,
Warta Jenaka, 19.10.36)

Petikan 2, Nyawa di Hujung Pedang

"Pertengkaran antara Yazid dengan Said kerana Juriah di tepi Sungai Kinta pagi itu tidaklah habis di situ sahaja. Sungguhpun masa kecil dahulu Yazid dan Said bersahabat baik *seperti isi dengan kuku* serta belajar dalam sebuah sekolah Melayu, tetapi apabila mereka besar, persahabatan antara kedua-duanya itu telah beransur-ansur renggang kerana kemahuan dan kecenderungan hati masing-masing berlainan sama sekali. Said selalu berjalan ke Ipoh dan merayau-rayau dalam bandar itu serta suka bercampur dan berkawan dengan orang-orang jahat. Telah beberapa kali ia berkelahi dan bertumbuk dalam panggung wayang gambar atau bangsawan kerana perkara kecil sahaja seperti berebut tempat duduk dan sebagainya. Dengan sebab perangnya suka bergaduh dan hatinya berani itulah *maka* apabila didengarnya Pejabat M.P. Jepun di Ipoh berkehendakkan 'informer' ia pun segera meminta kerja itu. Orang yang demikian memang senang sahaja diterima oleh pejabat yang tersebut itu . . ."

(Nyawa di Hujung Pedang, hlm. 23.
Terbit pertama kali 1946)

Petikan 3, Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan

"Makin kuperhatikan makin timbul keraguanku tentang dia. Pada bahunya *tersandang* sebuah bungkusan kain yang diberi bertali panjang sampai ke sisi *pinggul*. Bajunya kemeja putih, *lusuh* dan *kumal*. Seluarnya berwarna coklat muda, kotor, sempit dan memutih oleh tuanya. Sepatunya sepatu getah hitam tinggi, yang menutup buku lalinya, seperti sepatu bola. Dan dia *berjambang* tidak terurus. Rambutnya juga panjang tidak terurus. Berkaca mata hitam pula dia.

Samar-samar terbayang *susuk* tubuh seorang kawan di Pahang. Sudah lama kawan itu tidak kujumpai. Orang ini serupa dia *susuk* tubuhnya. Tetapi kawan itu bukan golongan *buruh kasar*. Dan tidak pernah berpakaian dan berkeadaan hodoh seperti itu.

Tatkala sebuah bas berhenti menurunkan penumpang, dia mengisarkan tegaknya melihat orang-orang yang turun sambil melarikan diri dari curahan hujan itu. Kemudian pandangannya beralih lagi ke tingkat atas pejabat suratkhbar di depannya. Pada air mukanya terbayang kekecewaan . . ."

(Pertentangan, hlm. 214,
Mastika 1956)

Melihat dari kosa kata yang digunakan oleh penulis-penulis A. Rahim Kajai, Ahmad Murad dan Keris Mas, kita akan dapat melihat perkembangan pengluasan kosa kata di dalam bahasa Melayu kian bertambah luas. Ada beberapa kata lama yang masih digunakan oleh A. Rahim Kajai, misalnya menjala, pelesit dan culas, sudah tidak lagi dalam fragmen Ahmad Murad, spatah lagi dalam cerpen Keris Mas.

Sebaliknya dalam *Nyawa di Hujung Pedang*, yang ditulis dalam tahun 1946 sudah mulai kelihatan perkataan Inggeris, *informer*, yang mungkin dalam zaman A. Rahim Kajai dicari perkataan yang setanding dalam bahasa Melayu untuk menggantikan perkataan tersebut. Demikian pula halnya dengan *Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan*, yang ditulis dalam tahun 1956, kira-kira 20 tahun kemudian, telah banyak sekali menggunakan kata-kata dari bahasa Jawa dan Indonesia, Kata-kata *tersandang*, *pinggul*, *lusuh*, *kumal* dan *golongan* serta kata-kata lain dalam bahasa Melayu yang jarang dipakai seperti *bercambang*, *terurus*, *susuk*, *buruh kasar* dan *mengisarkan* yang terdapat dalam cerpen Keris Mas tentu sekali tidak akan ada dalam tulisan zaman A. Rahim Kajai.

Dari segi struktur ayat pula, kita dapat melihat A. Rahim Kajai tidak lagi menggunakan struktur ayat Munsyi Abdullah. Dan jika meneliti struktur ayat-ayat Keris Mas pendek, ringkas, tepat dan padat. Jika kita melihat struktur ayat yang dibuat oleh tiga orang penulis, ketika menjelaskan watak masing-masing, ayat-ayat Keris Mas jelas terbayang gambaran wataknya, perhatikan ayat-ayatnya:

Pada bahunya *tersandang* sebuah bungkusan kain yang diberi bertali panjang sampai ke sisi *pinggul*. Bajunya kemeja putih, *lusuh* dan *kumal*. Seluarnya berwarna coklat muda, kotor, sempit dan memutih oleh tuanya. Sepatunya sepatu getah hitam tinggi, yang menutup buku lalinya, seperti sepatu bola. Dia *berjambang* tidak terurus. Rambutnya juga panjang tidak terurus. Berkaca mata hitam pula dia.

Dari kepala hingga ke kaki, diperhatikan oleh Keris Mas dengan cukup teliti. Dan pembaca terpandang dengan cukup terperinci dengan jelas dan terang, seperti kamera tv menyorot watak itu dan kita terpandang dengan jelas. Itulah wataknya yang mahu dilukiskan. Kita tidak ragu-ragu lagi. Berbeza dengan struktur A. Rahim Kajai yang panjang, yang seharusnya dibubuh koma tidak digunakan. Dan gambaran watak yang dinyatakan tidak merupakan satu watak individu melainkan merupakan satu bentuk watak muda yang umum, perhatikan:

Di antara anak-anak muda yang banyak itu ada seorang yang bernama Mohammad Jamil (.) Umurnya belum lebih dari 20 tahun. Rupanya hitam manis (.) Susuk badannya agak gempal sedikit (,) *berpadanan dengan rupa seorang yang tengah naik.*

Gambaran tentang watak Mohammad Jamil tidak menunjukkan satu ciri tersendiri. Malah ia lebih merupakan watak pemuda-pemuda zaman itu, apabila penulis menyambung dengan ayat ini: '*... berpadanan dengan rupa seorang yang tengah naik ...*'

Demikian pula Ahmad Murad ketika menggambarkan watak Said. Penulis tidak menyorot satu watak yang khusus '*Said*', melainkan ia memberikan satu gambaran tipikal pemuda kota yang jahat. Ini lebih merupakan watak celupan dari watak yang original.

Bicara tentang gaya bahasa pula, kita melihat betapa sastera merupakan wadah yang mengembangkan dan membina bahasa. Dari satu tahap ke satu tahap, sastera yang menggunakan bahasa selaku alat dan bahasa yang menjadi wadah sama-sama mengembang dan membina. Jika penulis A. Rahim Kajai dan Ahmad Murad menggunakan bunga bahasa berbentuk klise seperti :

Menjadi pelesit yang tiada bertuan (JDJ)

Maknya kenyang makan hati (JDJ)

Nasi hendak ke lutut (JDJ)

Menaruh seorang gadis (JDJ)

Mampu membersihkan diri (JDJ)

Seperti isi dengan kuku (NDHP)

Dalam PKDKS, Keris Mas menggunakan gaya bahasa dengan bunga bahasa yang segar dan tersendiri, misalnya :

Dari air Kuala Semantan itu berkilat-kilat berat . . . (PKDKS)

Air muka Hasan keruh sahaja, seperti air Semantan . . . (PKDKS)

Awan gelap tergantung di kelopak matanya . . . (PKDKS)

Titis hujan di curahan atap membuat titik-titik perhitungan dalam kepala . . . (PKDKS)

Pembaharuan gaya bahasa yang indah ditunjukkan oleh A. Rahim Kajai, Ahmad Murad dan Keris Mas berlainan antara satu dengan yang lain. Akan tetapi kita menyedari bahawa gaya bahasa perbandingan untuk menjelaskan sesuatu yang dilakukan oleh A. Rahim Kajai dan Ahmad Murad, sudah

sering dilakukan oleh penulis-penulis lain juga. Keris Mas mencari sesuatu yang baru yang belum digunakan orang. Bukan saja seperti yang ditunjukkan di atas, bahkan dalam bentuk memberikan kesan cerita kepada pembaca, ia bercakap dalam bahasa yang bersahaja. Dia tidak memaksakan pembaca bersimpati terhadap wataknya. Akan tetapi dengan berbuat demikian sebenarnya dia memberikan pembaca lebih simpati dari satu-satu yang dipaksakan. Perhatikan potongan ini :

"Pemuda yang kehilangan perhitungan itu masih tidur waktu kutinggalan. Larut malam tadi dia masih ragu-ragu tentang kebebasan dirinya. Dalam kepalanya terbayang perempuan tua, kepadanya dahulu aku selalu meminta minum, sekarang menderita memikirkan anak telaknya yang mengembara *diburu kekerasan*. Orang tua itu menderita menghadapi menantu yang masih muda dan masih menyusukan anak kecil dengan air mata menitik. Dan terbayang juga olehku Husin lumpuh duduk di lesung menghalau ayam *yang tak akan pernah dapat dikejanya*." (PKDKS)

Perhatikan pula bagaimana A. Rahim Kajai mencari kesan pembaca ketika pinangan Jamil ditolak oleh ibu bapa Jamilah kerana keluarga Jamil miskin tidak sepadan dengan keluarga Jamilah.

"Sekarang hati Mohammad Jamil boleh dikata telah *hancur* pada hal hati Cik Jamilah telah *redam* pula. Cik Jamilah telah terlarang bertandang ke rumah emak Jamil, kerana mengelakkan fitnah, apa lagi akan berjumpa dengan kekasihnya. Begitupun pada suatu perjumpaan yang sulit Cik Jamilah berpantun kepada kekasihnya demikian bunyinya . . ."

Dengan gaya bahasa yang demikian dan diikuti dengan pantun, kurang rasa simpati pembaca terhadap dua orang yang gagal dalam percintaannya.

IV

Peranan sastera dalam menyatukan bahasa Indonesia, bahasa Malaysia dan bahasa Melayu di Singapura dan di Negara Brunei Darussalam, secara evolusi telah berjalan dengan cukup berkesan selepas perang dunia kedua. Usaha ini dilakukan oleh penulis-penulis baik disedari mahupun tidak disedari ketika mereka melahirkan tulisan kreatif mereka. Cara kedua dilakukan oleh badan-badan penulis ataupun kegiatan kolektif, apabila mereka mengadakan pertemuan dengan dihadiri oleh penulis-penulis dari empat negara Nusantara yang menggunakan bahasa serumpun itu.

Dalam perkembangannya secara natural, yang dilakukan oleh penulis selaku individu, kami sempat meneliti 16 buah cerpen, empat dari tiap satu negara Nusantara. Penelitian yang sempat kami lakukan ialah dari sudut penggunaan kosa kata dan pembentukan atau struktur ayat.

Dari Indonesia, kami memilih dua orang penulis dari Jawa dan dua orang penulis dari Sumatera. Jika dilihat dari penggunaan kosa kata, sukar untuk kita mengecam dari mana mereka berasal, kerana baik kata daerah Jawa yang diambil mahupun kata asing yang diambil, semuanya sama. Dengan cara yang sama itu, kami mengambil kesimpulan bahawa penyatuan bahasa yang berlaku di Indonesia, pada satu ketika akan berlangsung juga dalam negara-negara Nusantara. Perhatikan sebagai contoh kosa kota yang didaftarkan di bawah ini dari tiga cerpen Indonesia.

Cerpen 1	Cerpen 2	Cerpen 3
idealisma	laboratorium	kontak
generasi	kombinasi	sosial
kalkulasi	fungsi	pasien
logika	teknologi	humoris
konskwansi	persneling	publik
pola	mobil	famili
eksak	rem	direm
membius	knalpot	chaos
klop	brokat	vitaliti
biaya	gondor-gondoran	menjewer
kantung	kaus	kuping
popok	celana	geledek
mungil	anduk	mempergoki
imbangan	prahoto	kusergap
swasta	didongkrak	kaget
matang	dipompa	basa-basi
menyolong	kumal	nyeri
dikeroyok	menyampirkan	lucu
dioakkan	pegal	kuduknya

Jika kita tidak dapat mengenal dari kumpulan kosa kata dalam cerpen-cerpen ini dari mana asal penulisnya, bererti telah lahir satu bahasa baku dalam bahasa Indonesia. Dan yang menyatukan penulis-penulis dari berbagai daerah kepada satu bahasa ialah sastera.

Untuk mengetahui apakah sudah berlaku sifat-sifat yang sama dalam kosa kata cerpen-cerpen di luar Indonesia, perhatikan daftar kosa kata dalam cerpen-cerpen di bawah ini.

Cerpen 4	Cerpen 5	Cerpen 6	Cerpen 7
persis	ngomong	gagang	lewat
kebagian	konyol	aneh	andainya
tanpa	murung	enteng	catat
dingin	gampang	kemurungan	kamar
kaget	berpamit	ambang	ruang
matang	mengelus-elus	acoh	lantas
bungkem	wadahnya	lantaran	segondokan
kamar	bergeletakan	minat	tergeletak
sering	mesum	dong	pameran
kartu	tolol	omong-omong	
gerutuku	tengik		
murung	aneh		
toko	copot		
kepingin	pingin		
mungghah	bubar		
Gusti	betapa		
ngangsu	remeh		

Jika anda tidak dapat meneka cerpen-cerpen (dari kosa katanya) yang mana ditulis oleh penulis-penulis Indonesia, Brunei, Malaysia dan Singapura, sudah berlaku juga satu ciri bahasa baku dalam bahasa-bahasa Indonesia, Malaysia dan Melayu (Singapura dan Brunei). Dan berlakunya satu penyatuan dalam bahasa Nusantara ini, dari kegiatan dan peranan sastera secara evolusi.

Dari sudut struktur ayat semata-mata tanpa dibantu oleh kosa kata, kami kira masih mudah dikenal dari mana berasalnya pengarang tersebut. Dalam hal struktur, peranan gaya tulis atau gaya bahasa masuk kira juga. Kerana gaya bahasa atau gaya tulis lebih condong kepada bentuk kebiasaan individu. Bagaimanapun juga, struktur ayat beberapa orang penulis Indonesia ada sedikit sebanyak persamaannya dengan beberapa orang penulis Malaysia. Demikian pula ada persamaannya antara penulis Singapura dengan penulis Malaysia dan Indonesia.

Di bawah ini kami turunkan petikan-petikan ayat atau kalimat yang menampakkannya dari 16 cerpen Nusantara. Apakah anda dapat mengenalinya dari mana penulisnya?

1. Selepas makan, kartu nama yang diikat pada reben kuning, aku kalung kembali ke leher, lalu keluar kamar . . .
2. Ada tiga macam halangan yang tak begitu mudah ditembusi akal sehat.
3. Perkara ini bukanlah baru. Sudah biasa. Hanya kadang-kadang aku naik marah apabila diganggu waktu sedang belajar.
4. Sewaktu matahari melepaskan panas dari busurnya, dia terjaga dan menyedari basah bagi akan segera kering.
5. Ada juga keganjilan daripada persiapannya itu, mungkin tidak seperti tradisi bangsanya yang turun-temurun.
6. Petang itu keluarga penternak banyak sekali mengambil susu mereka. Satu jamuan diadakan untuk merasmikan pertunangan . . .
7. Akhirnya muncul juga pengawai yang ditunggu-tunggu. Seorang wanita separuh baya.
8. Tidak payah ia mengenalkan dirinya, aku tahu sendiri apabila mendengar suaranya yang garau, sengau tetapi tenang dan jelas.

Oleh kerana tidak ada kosa kata sebagai tanda dan tidak juga struktur dapat memainkan peranan sebagai penanda, maka kami kira ayat-ayat ini sukar dikenali siapakah penulisnya atau tepatnya dari manakah penulisnya ini berasal? Dengan itu pula, dari segi struktur juga dapat menjadi gejala pembakuan bahasa Nusantara ini sudah menuju ke arah terciptanya. Akan tetapi, jika ada kosa kata sebagai tanda tentu anda bisa meneka dari mana asal penulisnya. Untuk itu kami turunkan delapan ayat dari delapan cerpen Nusantara kami turunkan di bawah ini.

9. Sukar dimengerti, kenapa pemuda yang sudah 20 tahun lewat itu seperti masih iri, sebab aku jagoan main kasti.
10. Suasana menjadi sepi sebentar. Kamis menghembuskan asap rokoknya kuat-kuat.
11. Aku tersandung sebatang tubuh kejang. Lalu tersungkur dan menyembam merangkul bumi.

12. Aku pasangkan lampu pada meja kerjaku. Anak-anakku semuanya kusuruh keluar, tidak seorang pun kubenarkan tinggal di dalam bilik itu.
13. "Ha, ini pekan P. J. lama. Pekan baharu, dengan market besar, Pejabat Pos dan lain-lain, dekat bank tadi."
14. "Doktor kata abang tak boleh banyak membaca, jangan mengarang. Rehat . . ."
15. "Berapa anak mereka sekarang? Sudah lama sekali tak jumpa isterinya. Sejak tamat SMP kami tak pernah jumpa lagi."
16. "Saya sudah membaca laporan cikgu yang mengatakan Malim — salah seorang murid yang berkelakuan aneh, kurang ajar."

Dari ayat-ayat dan dialog yang kami petik dari cerpen-cerpen Nusantara, yang mempunyai kosa kata sebagai penanda, kemungkinan bisa dikenali asal penulisnya dari mana. Misalnya, Ayat 9, dengan kosa kata penanda '*dimengerti*' dan '*jagoan*' kemungkinan dapat diterka dari mana penulis itu berasal. Demikian pula ayat 13, dengan penandanya di sini ialah 'P. J.' dan ayat 15, dengan penandanya di sini SMP, tentu sekali anda dapat menekanya juga.

Sekali lagi ingin kami nyatakan, bahawa dari struktur pada umumnya, sukar untuk dikenali asal dari mana penulisnya. Dengan itu pula sedikit sebanyak persamaan bahasa Indonesia, Malaysia dan Melayu Singapura dan Brunei Darussalam sudah wujud. Dari sastera juga pengembangan dan penyatuan itu akan wujud.

Dari peranan pertubuhan atau kolektif, usaha yang dilakukan sudah bermula apabila Indonesia mengadakan Pertemuan Sasterawan Indonesia di TLM Jakarta, mereka mengundang penulis-penulis dari Malaysia dan Singapura membincangkan perkembangan dan kreatif sastera di negara masing-masing untuk sama-sama ambil-mengambil dan mempelajari yang baik. Pertemuan ini, bermula sekitar tahun 1973.

Usaha yang lebih konkrit, bila Angkatan Sasterawan '50 untuk pertama kali mengadakan Pertemuan Sasterawan Nusantara dari tanggal 24 — 26 Disember, 77 di Maktab Rendah Khatolik, di Singapura. Penulis-penulis dari

Indonesia, Malaysia telah sama-sama mengemukakan kertas kerja dan Brunei telah juga turut hadir. Dalam pertemuan itu, telah disetujui, bahawa Pertemuan Sasterawan Nusantara akan diadakan tiap-tiap dua tahun sekali dengan berpindah-pindah tempat. Akhirnya ketetapan itu berlaku, apabila pertemuan kedua diadakan di Jakarta pada tahun 1979 dan pertemuan ketiga berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1981 dan khabarnya pertemuan keempat akan diadakan di Negara Brunei Darussalam pada akhir tahun 1985.

Dalam Pertemuan-pertemuan Sasterawan Nusantara yang sudah berlangsung tiga kali itu, banyak keputusan telah dicapai untuk lebih mendekatkan sasterawan dari empat negara yang menggunakan bahasa satu rumpun itu, antaranya dengan :

1. Mengadakan Pesta Puisi Nusantara tiap dua tahun sekali (berganti tempat)
2. Anugerah Sastera Nusantara
3. Bengkel Penulisan
4. Berita sastera dan aktiviti sastera empat negara Nusantara

Dari beberapa keputusan yang disebutkan tadi di atas, jelas menunjukkan bahawa Pertemuan Sasterawan Nusantara dan beberapa pertemuan lain yang diadakan secara sendiri di negara masing-masing, seperti Hari Sastera dan Hari Puisi di Malaysia, Pertemuan Sasterawan Indonesia di Indonesia, Pertemuan Penulis-penulis Singapura di Singapura dan beberapa kegiatan pertemuan lainnya menunjukkan satu kesatuan yang kukuh sudah terjalin antara penulis-penulis yang menggunakan bahasa Nusantara. Dengan itu pula, bahawa penyatuan bahasa melalui puisi prosa atau tegasnya sastera telah berjalan dengan baiknya.

PENUTUP

Untuk lebih mengukuhkan lagi peranan sastera Melayu dalam pembinaan dan penyatuan bahasa Melayu, kami menyarankan :

- 1) Anugerah Sastera Nusantara yang telah diputuskan di Kuala Lumpur, harus segera dijalankan, supaya dengan demikian akan meningkatkan keinginan menulis hasil karya yang baik dan bermutu. Bila berlaku keadaan begitu, akan menjadikan bahasa Melayu yang digunakan sebagai alat pengantar, akan lebih bermutu dan lebih mendekatkan satu bahasa baku yang diterima oleh negara Nusantara.

- 2) Bengkel penulisan yang telah diputuskan di Jakarta itu, haruslah segera dilaksanakan, kerana dengan demikian untuk membiasakan dan meninggikan penulisan melalui perbincangan dan segala macam rupa, lebih banyak lagi penulis-penulis empat negara Nusantara dapat kesempatan berbuat demikian (daripada hanya seorang dihantar dari tiap negeri berkesempatan mengikuti bengkel penulisan di Iowa Universiti.). Dengan itu pula, keinginan untuk mencapai saranan pertama itu akan lebih mudah terlaksana.
- 3) Berita Negara mengenai sastera dan kegiatan sastera lainnya haruslah segera diusahakan, kerana dengan demikian empat negara Nusantara akan dapat mengetahui apa yang dilakukan oleh negara-negara berkenaan. Dengan ini pula, usaha menerbitkan Berita Sastera Nusantara atau apapun juga namanya, akan segera tercapai.
- 4) Dan yang paling penting, yang perlu dilakukan segera haruslah ada satu perwakilan tetap dari tiap negara Nusantara yang bertemu setiap tahun sekali itu. Kerana dengan adanya perwakilan tetap itu, akan lebih teratur organisasi dijalankan, difikirkan atau dicari jalan bagaimana mengatasi segala keputusan yang sudah dicapai.

Akhir sekali, dengan terlaksana segala macam aktiviti secara kolektif atau melalui pertubuhan penulis, akan segera secara revolusi penyatuan bahasa melalui sastera terlaksana.

Berita Bahasa

DIALOG DENGAN PROF DR. ANTON M. MULJONO

Pada Sabtu 13 September 1986 [jam 10.00 hingga 12.30] di dewan mesyuarat Kementerian Penerangan & Perhubungan, telah diadakan pertemuan silaturrahim antara JBMS dengan Pengerusi Bersama MABBIM, Pak Anton Mulyana. Beberapa orang anggota JBMS, Penulis-penulis khas CDIS dan Inspektor Bahasa Kementerian Pelajaran telah turut hadir dalam pertemuan itu.

Pengerusi JBMS, Haji Sidek b Haji Saniff telah mengalu-alukan Pak Anton dan sekalian hadirin sambil menyatakan bahawa JBMS sedang memikirkan tentang penggunaan bahasa Melayu baku di Singapura. "Masalahnya ialah," kata Pengerusi JBMS itu, "sama ada kita harus menunggu sehingga Malaysia menggunakan sistem itu atau kita harus mendahului mereka."

Pak Anton, mula-mula menyatakan kegembiraannya dapat bertemu muka dan bertukar-tukar pendapat dengan ahli-ahli bahasa di Singapura, khususnya dengan anggota JBMS yang telah mulai tertarik kepada MABBIM dan telah dua kali menghadiri mesyuaratnya sebagai pemerhati. Kemudian, beliau menerangkan bahawa dalam lingkungan Asean hanya 40% yang menggunakan bahasa Melayu/Indonesia.

"Malah, di Indonesia pun," kata Pak Anton, "baru hanya 61% orang-orang Indonesia yang langsung berbahasa Indonesia; yang lainnya masih menggunakan bahasa daerahnya dalam pertuturan hariannya. Mereka hanya menggunakan bahasa Indonesia dalam peristiwa-peristiwa rasmi sahaja. Hal demikian berlaku kerana mereka berasa yang mereka itu adalah kepunyaan daerah atau wilayah masing-masing."

"Bagaimanapun," kata Pak Anton lagi, "semua orang Indonesia megah dengan bahasanya kerana bahasa Indonesia itu telah memberi harga diri kepada bangsanya."

"Dasar dwibahasa di Singapura telah menjadikan orang-orang Singapura bertutur dalam bahasa ibunda dan bahasa Inggeris yang digunakan oleh 90% penduduk dunia. Orang-orang Melayu Singapura haruslah mempelajari bahasa Inggeris untuk mendapatkan pekerjaan yang baik, tetapi dalam masa yang sama mereka tidaklah harus mengabaikan bahasa Melayu sendiri," kata Pak Anton.

"Bahasa Melayu," kata Pak Anton seterusnya, "telah tersebar ke seluruh kepulauan Melayu; tetapi bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia sekarang tidak lagi serbasama, dalam banyak hal, kerana pengaruh-pengaruh luaran yang menyebabkan perkembangan dan kemajuan masing-masing. Dibandingkan dengan Indonesia, dalam sistem pendidikan mereka, Singapura adalah bernasib baik kerana politik Inggeris di sini lebih baik daripada politik Belanda di Indonesia."

"Bilangan orang Indonesia yang berminat hendak belajar bahasa Inggeris adalah sangat ramai sehingga mereka terpaksa menunggu setidak-tidaknya selama tiga bulan barulah mereka dapat mengikuti sesuatu kursus bahasa Inggeris," kata Pak Anton.

"Anggota JBMS dan guru-guru Melayu adalah orang-orang yang paling layak memajukan bahasa Melayu di sini tetapi gerakan memajukan bahasa itu haruslah direstui oleh pemerintah," kata Pak Anton.

"Menjawab pertanyaan Encik Mohamad Gani Ahmad, anggota JBMS, mengenai sebutan baku, Pak Anton menerangkan: "Bahasa baku ialah bahasa yang dicakapkan oleh orang di kota [oleh orang terpelajar]. Jalan yang paling baik untuk mengukuhkan bahasa baku ialah menerusi 'sistem pendidikan'. Pengukuhan penggunaan bahasa baku itu mestilah dimulai dari sekolah; yang demikian guru-guru adalah pemeran yang paling mustahak."

Pak Anton mencadangkan supaya bahasa baku itu digunakan dalam tulisan sahaja untuk sementara waktu, dan biarlah bahasa lisan dituturkan seperti yang ada sekarang ini.

"Di Indonesia," kata Pak Anton seterusnya, "sebulan dalam setahun diadakan kempen penggunaan bahasa Indonesia yang benar." Beliau mencadangkan supaya Singapura mengadakan juga bulan bahasanya untuk memajukan bahasa Melayu. "Pemerintah Singapura haruslah merestui kegiatan ini demi kemajuan bahasa Melayu di sini," kata Pak Anton lagi.

Tentang pengejaan kekata asing yang di-Melayukan, Pak Anton menyatakan bahasa MABBIM telah menetapkan supaya kekata-kekata itu dieja menurut sebutan Melayu tanpa mengira bahawa dalam bahasa asalnya kekata itu mungkin mempunyai makna yang berlainan, misalnya: *nikmat* tidak kira yang bermakna 'bahagia' atau yang bermakna 'celaka'; *sabit* tak kira yang bermakna 'arit' [pisau lengkung pemotong rumput] atau yang bermakna 'sah' (established); *kalbu* tak kira yang bermakna 'hati' atau yang bermakna 'anjing'.

**SIDANG KE-25
MAJLIS BAHASA
BRUNEI DARUSSALAM INDONESIA MALAYSIA
di Kuala Lumpur
5 – 7 Mei 1986
Suratman Markasan**

Dalam sidang ke-25 Majlis Bahasa Brunei Darussalam Indonesia dan Malaysia yang dilangsungkan di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur dari tanggal 5 hingga 7 Mei 1986 yang lalu, merupakan sidang kali kedua bagi Republik Singapura mengahdirinya sebagai pemerhati. Singapura telah diwakili oleh Yang Berhormat Saudara Sidek Saniff, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan dan Perdagangan dan juga selalu Pengerusi Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura (JBMS), Dr Liew Yock Fang, Anggota JBSM dan Saudara Suratman Markasan, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Tata Bahasa dan Ejaan JBSM.

Dalam sidang Subpanitia Umum, antara lain telah diputuskan pertama, menerima Piagam MABBIM; kedua, menerima rancangan tatakerja baru MABBIM, berdasarkan Kertas J-25 JKTBM; ketiga, menerima pembacaan kedua Daftar Kamus Kata/Ungkapan Umum bahan Malaysia – Bahasa Indonesia-Malaysia-Brunei Darussalam; dan keempat, menerima pembacaan kedua naskah 'Kumpulan Keputusan Sidang Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MABIM) dari sidang pertama hingga sidang ke 23'.

Sidang Pleno yang berlangsung pada tanggal 7 Mei 1986, sebelum sidang ke-25 MABBIM itu ditutup, antara keputusan penting yang telah dicapai adalah; pertama, Majlis telah sepakat bahawa masing-masing anggota MABBIM hendaklah meminta pandangan dari menteri berkenaan masing-masing negara tentang penandatanganan Piagam MABBIM yang telah diterima/disetujui oleh menteri berkenaan ketiga-tiga negara anggota.

Kedua, Majlis telah bersetuju menghasilkan satu tatakerja baru MABBIM dengan menyempurnakan Kertas J-25 JKTBM yang berjudul "Cadangan Tatakerja Bahan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia"; ketiga, Majlis telah membincangkan agak memakan waktu yang lama juga mengenai sidang-sidang selanjutnya MABBIM apakah sidang dua kali setahun itu diteruskan atau memadai dengan mengadakan setahun sekali sahaja. Akhirnya, bahawa memandangkan kerana keadaan ekonomi dunia sekarang ini menurun, telah dicapai bahawa sidang-sidang MABBIM selanjutnya akan diadakan setahun sekali sahaja, dengan jangka waktu yang dipersingkat pula dari 5 hari kepada 3 hari sahaja. Memandangkan bahawa kerja-kerja bagi subbidang-subbidang agak banyak, tidak akan mungkin segalanya dapat diselesaikan dalam masa tiga hari sahaja, oleh kerana itu Majlis mengharapkan tiap subbidang akan sentiasa bertugas di negara masing-masing dan keputusan boleh di hantara kepada negara-negara yang berkenaan.

Keempat, Majlis telah bersetuju bahawa Dafatar Istilah Kesusasteraan yang telah dibincangkan pada Sidang ke-17 (di Kuala Lumpur, Malaysia : 4 – 9 Feb 1976) dan pada Sidang ke-18 (di Palembang, Indonesia : 9 – 13 Ogos 1976) dikembangkan dalam bentuk Kamus Istilah. Jika difikirkan perlu, pakar-pakar kesusasteraan boleh menyambung usaha penggubalan istilah atau menghasilkan pedoman tambahan dalam peristilahan bidang kesusasteraan dan diajukan kepada Majlis untuk diluluskan.

Kelima, Majlis bersetuju supaya masing-masing negara anggota memberi perhatian lanjut kepada hal-hal kebahasaan lainnya seperti kajian dialek, tata-bahasa, penerjemahan, penyeledikan dan penerbitan; dan masing-masing negara boleh mengemukakan konsepnya kepada Majlis untuk diluluskan.

Keenam, Majlis telah membuat ketetapan bahawa Sidang MABBIM ke-26 akan diadakan dari 6 hingga 8 April 1987, di Jakarta Indonesia.

PENGUMUMAN

Kami mempersilakan saudara-saudara mengirim sumbangan esei, pendapat, pengalaman mengajar bahasa, pandangan terhadap sesuatu buku bahasa, pertanyaan bahasa atau hal-hal lain yang sehubungan dengannya kepada kami.

Tulisan-tulisan sebaiknya jika ditaip langkau dua, bagaimanapun tulisan tangan yang mudah dibaca diterima juga.

Tulisan-tulisan tersebut boleh dikirim kepada salah satu daripada dua alamat di bawah ini.

Ketua Editor SEKATA,
67, Toh Tuck Road
Singapura 2159.

atau

Setiausaha Kehormat
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura,
Kementerian Perhubungan & Penerangan
Dewan Bandaraya
St. Andrew's Road,
Singapore 0617.

